

Terserah pada Anwar - PM

Ⓟ U.M. 26 MAY 1993

SUBANG 25 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, adalah menjadi hak Dato' Sri Anwar Ibrahim jika beliau berhasrat bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO.

"Itu hak dia (Anwar) hendak buat pendirian. Dia tak suka hendak bertanding, dia tak bertandinglah... dia suka bertanding, dia bertandinglah," katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang petang ini. Perdana Menteri pulang dari Seoul setelah menghadiri Forum Pemimpin Majlis Ekonomi Lingkungan Pasifik (PBEC).

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan dua orang Naib Presiden UMNO, Anwar dan Dato' Abdullah Ahmad Badawi beberapa hari lalu mengenai isu pertandingan merebut jawatan Timbalan

Presiden parti itu.

Jumaat lalu dalam satu perjumpaan dengan para pemimpin UMNO Kedah, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengulangi hasratnya tidak mahu mencabar Ghafar pada pemilihan UMNO November depan, tetapi akan tunduk kepada keputusan dan kebijaksanaan parti.

Bagaimanapun, sehari kemudian, Abdullah mengeluarkan kenyataan menggesa ahli-ahli UMNO supaya jangan memaksa Menteri Kewangan itu mencabar Ghafar bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Menurut Abdullah, dalam proses pemilihan parti, perpaduan parti mesti dikekalkan kerana perpecahan akan mengakibatkan padah buruk terutama dalam pilihan raya umum yang semakin hampir.

Para pemberita yang

➤ Lihat muka 2 ➤

Terserah pada Anwar - PM

U.M. 26 MAY 1993

meliputi kepulangannya bertanya Dr. Mahathir adakah beliau berpendapat kenyataan Anwar dan Abdullah itu telah menimbulkan pelbagai spekulasi dan perbincangan di kalangan ahli-ahli UMNO menjelang Perhimpunan Agung UMNO.

Dr. Mahathir menegaskan, beliau tidak fikir kenyataan mengenai pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO itu boleh menjadi satu bentuk perbincangan.

"Tiada perbincangan... cuma barangkali Abdullah cuba nak bagi nasihat pada ahli-ahli. Terpulang pada ahli-ahli UMNO nak dengar nasihat itu ataupun tidak," kata Presiden UMNO itu.

Sementara itu, pada satu sidang akhbar yang diadakan di Seoul pagi ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, Dr. Mahathir berkata, tiada

siapa yang akan mencajar beliau atau Ghafar bagi jawatan Presiden atau Timbalan Presiden.

"Saya berpendapat bahawa kita tidak harus mengadakan pertandingan semata-mata kerana kita boleh bertanding.

"Kalau kita hendak bertanding kerana ada sebab tertentu, bolehlah. Kalau tidak, mesti jadi macam tahun 1987 yang mana bukan soal kelebihan orang itu, orang ini, tetapi cuma hendak mendapat tempat sahaja," kata Dr. Mahathir.

Katanya, Majlis Tertinggi UMNO dalam satu mesyuarat baru-baru ini berpendapat: "Jika pertandingan merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden diadakan hanya kerana hendakkan tempat ia mungkin akan menyebabkan UMNO bergolak".